

01 MAR 2004
Abdullah-Kedah
ABDULLAH JANJI BANTU KEDAH JADI NEGERI MAJU

ALOR STAR, 1 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berjanji akan membantu Kedah ke arah mencapai hasrat menjadi negeri maju menjelang 2010.

Perdana Menteri berkata kerajaan persekutuan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri agar rakyat negeri "Jelapang Padi" ini dapat menikmati pembangunan daripada Pelan Tindakan Kedah Maju 2010.

"Saya baru tengok laporan berkaitan Kedah Maju tadi, saya ingin bantu supaya kerajaan Barisan Nasional Kedah dapat capai visi berkenaan," katanya pada sidang media selepas majlis perjumpaan bersama pegawai tadbir negeri dan persekutuan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman di sini.

Beliau berkata mungkin ada perkara bersabit dalam pelan itu yang kerajaan persekutuan boleh berperanan selain memberi perhatian untuk melihat bagaimana ianya boleh dilaksanakan ataupun pengubahsuaian perlu dilakukan.

"Yang pentingnya, kita ingin membantu," katanya.

Pelan berkenaan dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 21 Sept 2001.

Antara aspek yang ingin dimajukan ialah teknologi maklumat dan komunikasi, pelancongan, pertanian, industri, pendidikan, sumber manusia, infrastruktur dan perumahan serta pembangunan insan.

Pelan berkenaan memberi fokus kepada pembangunan seimbang dan kesejahteraan rakyat.

-- BERNAMA
MAN SN MAI